



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : TENOLOGI SELENGGARA M&E
KOD KURSUS : DKM 2162
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 2 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.
2. Jawab **SEMUA** soalan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan kedalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Kertas ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1 [25 Markah]

Terdapat dua jenis sistem bekalan air domestik iaitu Bekalan Air Langsung dan Bekalan Air Tidak Langsung.

- (a) Namakan EMPAT (4) jenis paip dan bezakan penggunaannya. (8 markah)
- (c) Huraikan kriteria pemasangan sistem paip air dalaman untuk bangunan berbilang tingkat. (6 markah)
- (d) Dengan bantuan lakaran, tunjukkan satu contoh sistem paip sanitari serta namakannya. (3 markah)
- (e) Apakah EMPAT (4) garis panduan (susunatur) bagi pemasangan sistem paip sanitari. Jelaskan. (8 markah)

SOALAN 2 (25 markah)

Sistem penyaman udara adalah sistem rawatan udara dalam satu ruang tertutup bagi mengawal dan menyelenggara suhu, kepanasan dan tekanan secara bersama.

- (a) Lakar serta labelkan komponen utama sistem pusingan penyejukan penyaman udara. (6 markah)
- (b) Bincangkan DUA (2) faktor yang perlu diberikan pertimbangan semasa mereka bentuk sistem penyaman udara. (4 markah)
- (c) Dengan bantuan lakaran, terangkan bagaimanakah unit penyaman udara jenis tingkap berfungsi. Berikan kelebihan serta kelemahan penggunaannya. (10 markah)
- (d) Apakah sistem penyaman udara yang sesuai bagi pusat membeli-belah yang besar. Jelaskan mengapa. (5 markah)

SOALAN 3 [25 Markah]

- (a) Kaedah pencegahan kebakaran yang dilengkapkan pada sesebuah bangunan boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pasif dan aktif. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan kedua-dua kategori tersebut dan berikan dua contoh bagi setiap satu. (8 markah)
- (b) Apakah sistem gegelung hos? Terangkan bagaimana sistem ini dapat membantu dalam kebakaran? (8 markah)
- (c) Berikan DUA (2) contoh sistem bantuan melawan kebakaran. Mengapakah pemasangan kedua-dua sistem ini begitu penting? (5 markah)
- (d) Bagaimanakah sistem *sprinkler* berfungsi.? Terangkan. (4 markah)

SOALAN 4 [25 Markah]

- (a) Sistem pengangkutan bangunan iaitu lif dan eskalator merupakan salah satu sistem perkhidmatan yang penting kepada sesebuah bangunan. Terangkan keadaan di mana lif dipilih dan bukannya eskalator sebagai sistem pengendalian mekanikal dalam bangunan tersebut. (10 markah)
- (b) Apakah ciri-ciri lif yang baik. Senaraikan TIGA (3) daripadanya. (5 markah)
- (c) Bincangkan kebaikan dan kelemahan lif elektrik dan lif hidraulik. (10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

